



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49
No. 19

22hb September 2005

*TAMBAHAN No. 89
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 348.

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN) (No. 3) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian) (No. 3) 2005**.

Pengecualian

2. Tertakluk kepada perenggan 3, semua vesel tekanan tidak berapi yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, yang telah diberikan perakuan kelayakan setelah mematuhi kehendak di bawah perenggan 17(b) Peraturan-peraturan (Pemberitahuan, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*], dikecualikan daripada persediaan untuk pemeriksaan ulangan yang berikutnya di bawah peruntukan yang sama selepas luputnya perakuan kelayakan itu.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat bahawa semua vesel tekanan tidak berapi yang dinyatakan dalam Jadual menjalani

P.U. (A) 351.

AKTA PERGIGIAN 1971

PERINTAH PERGIGIAN (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 7(2) Akta Pergigian 1971 [*Akta 51*], Menteri, selepas berunding dengan Majlis, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pergigian (Pindaan Jadual Pertama) 2005**.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Pergigian 1971 dipinda—
 - (a) dalam subperenggan 2(3), dengan menggantikan perkataan “sepuluh” dengan perkataan “tujuh”; dan
 - (b) dalam perenggan 5, dengan memotong perkataan “di Ibu Kota Persekutuan di Kuala Lumpur iaitu”.

Dibuat 30 Mei 2005
[KKM-60(20/2)/1/7; PN(PU²)93/III]

DATO' DR. CHUA SOI LEK
Menteri Kesihatan

DENTAL ACT 1971

DENTAL (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2005

IN exercise of the powers conferred by subsection 7(2) of the Dental Act 1971 [*Act 51*], the Minister, after consulting the Council, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Dental (Amendment of First Schedule) Order 2005**.

Amendment of First Schedule

2. The First Schedule to the Dental Act 1971 is amended—
 - (a) in subparagraph 2(3), by substituting for the word “ten” the word “seven”; and
 - (b) in paragraph 5, by deleting the words “in the Federal Capital of Kuala Lumpur”.

Made 30 May 2005
[KKM-60(20/2)/1/7; PN(PU²)93/III]

DATO' DR. CHUA SOI LEK
Minister of Health